

Thailand jamin keselamatan pertemuan barisan Kabinet dua negara terjamin

UM 22 DEC 2002

KUALA LUMPUR 21 Dis. — Kerajaan Thailand hari ini memberikan jaminan bahawa tiada sebarang ancaman keselamatan dan kejadian buruk berlaku sepanjang pertemuan antara barisan Kabinet Malaysia dan Thailand yang dijadual berlangsung di Hat Yai, selatan Thailand esok.

Jurucakap Kedutaan Diraja Thailand berkata, pihak berkuasa negara itu sedang mempertingkatkan kawalan keselamatan terutama berdekatan Hotel Dusit JB yang menjadi tempat pertemuan antara pemimpin kedua-dua negara.

“Seramai 2,900 anggota polis dan tentera dikerahkan untuk mengawal rapi kawasan hotel serta sekitar bandar dengan membentuk tiga lapisan kawalan keselamatan.

“Selain itu, pihak berkuasa telah

bertindak mengadakan sekatan jalan raya terutamanya jalan masuk ke Hat Yai dari Sadao (pekan sempadan Malaysia-Thai) bagi menghalang sebarang perhimpunan haram berlaku,” katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini.

Jurucakap itu berkata demikian sebagai mengulas kejadian rusuhan dan perhimpunan haram bagi membantah projek saluran paip gas Malaysia-Thailand yang berlaku di Hat Yai, semalam.

Dalam kejadian tersebut, kira-kira 2,000 penduduk bertembung dengan pasukan keselamatan kerana ingin menarik perhatian pemimpin negara berhubung pelaksanaan projek saluran paip gas Malaysia-Thailand di daerah Chana, wilayah Songkhla.

Mengulas lanjut, jurucakap itu berkata, setakat ini, pihaknya

menjangkakan tiada sebarang perubahan berlaku berhubung mesyuarat yang diadakan antara kerajaan kedua-dua negara itu.

“Keadaan semuanya adalah terkawal dan tidak mungkin perjumpaan bersejarah itu akan ditunda,” jelasnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijadualkan mengetuai barisan kabinet negara bagi mengadakan mesyuarat khas dengan kerajaan Thailand yang diketuai Perdana Menteri, Thaksin Shinawatra di bandar berkenaan, esok.

Terdahulu, Thaksin dan barisan kabinetnya malam ini menghadiri acara Rumah Terbuka Malaysia sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri di Bandar Darulaman dekat Jitra, Kedah.